

UM 6 MAR 2002

## Banyak syor Malaysia dijadikan sebahagian Pernyataan Coolum

COOLUM 5 Mac — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, banyak cadangan Malaysia telah diterima dan dijadikan sebahagian daripada Pernyataan Coolum.

Beliau berkata, antaranya ialah mengenai soal keganasan apabila para pemimpin Komanwel bersetuju supaya puncanya dikenal pasti dahulu.

Menurut Abdullah, beliau berpuas hati dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang berakhir hari ini kerana isu-isu penting dapat ditangani dengan baik.

Abdullah memberitahu wartawan Malaysia dalam sidang akhbar di bandar perangan di sini, malam tadi.

Isu keganasan dan Zimbabwe menguasai persidangan yang bertemakan 'Komanwel Pada Abad Ke-21: Kesenambungan dan Pembaharuan' selama empat hari itu.

Dalam sidang akhbar dua hari lalu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar

berkata, pandangan Abdullah mengenai keganasan turut dikongsi bersama oleh pemimpin-pemimpin negara lain termasuk Singapura dan Mauritius.

Begitu juga pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad iaitu menyerahkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung isu global keganasan, definisi dan selesaikan punca masalah turut dibangkitkan oleh beberapa pemimpin dunia.

Abdullah berkata, pemimpin-pemimpin Komanwel juga mengiktiraf peranan Malaysia dalam menjayakan Perkongsian Pintar Mengenai Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM).

Mereka semua menyatakan sokongan kepada usaha Malaysia itu ke arah mencapai objektif dan aktiviti bagi kepentingan negara anggota.

Dalam pada itu, beliau berkata, semakin banyak pemimpin Komanwel menunjukkan minat mengenai program CPTM. — *Utusan*